

DATE: 27 JUNE 2014
PUBLICATION: UTUSAN MALAYSIA
SECTION: BUSINESS SECTION
HEADLINE: REACH ENERGY SIGNS UNDERWRITING AGREEMENT
WITH HONG LEONG INVESTMENT BANK
CATEGORY: COMPANY NEWS
MEASUREMENT: 206 SQ CMS


Reach Energy meterai taja jamin dengan HLIB

KUALA LUMPUR 26 Jun - Reach Energy Berhad, syarikat tujuan khas Minyak & Gas dalam proses untuk disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia (SPAC), menasarkankan untuk meraih RM750 juta hasil daripada penyenaaraianya di Bursa Malaysia.

Pengarah Urusannya, Ir. Shahul Hamid Mohd. Ismail berkata, SPAC adalah syarikat yang tidak mempunyai operasi atau perniagaan yang menjana pendapatan pada masa IPO tetapi melaksanakan IPO bagi tujuan mengumpul dana untuk membeli operasi syarikat, perniagaan atau aset, atau dikenali sebagai Perolehan Kelayakan.

"Pada masa akan datang, kami berhasrat untuk membawa nilai kepada semua pemegang saham dan bersama menuju matlamat menjadi syarikat carigali dan pengeluaran yang beroperasi secara global and tempatan selepas penyenaaraan," kata beliau.

Shahul Hami berkata demikian selepas majlis menandatangani Perjanjian Taja Jamin dengan Hong Leong Investment Bank Berhad (HLIB) bagi IPO, sekali gus bakal menjadi Syarikat Tujuan Khas yang terbesar di



SHAHUL Hamid Mohd. Ismail (kanan) dan Azmi Arshad pada sidang akhbar selepas majlis menandatangani perjanjian taja jamin antara Reach Energy dan Hong Leong Investment Bank Bhd. dengan AmanahRaya Trustees Bhd. di Kuala Lumpur, semalam.

Bursa Malaysia setelah menyelesaikan proses penyenaaraan.

Reach Energy telah memperolehi kebenaran daripada Suruhanjaya Sekuriti pada 19 Jun 2014 untuk aktiviti penyenaaraianya. HLIB berperanan sebagai Penasihat Utama, Ejen Penempatan dan Penaja Jamin.

Sementara itu, Ketua Pegawai Kewangannya, Azmi Arshad berka-

ta, berdasarkan sambutan positif daripada pasaran, beliau tidak ragu Reach Energy akan berjaya mengumpul RM750 juta hasil diberikan strategi perniagaan yang jelas, pasukan pengurusan yang berpengalaman, perlindungan pelabur yang tinggi dan pembiayaan yang cukup untuk melengkapkan Perolehan Kelayakan dalam tempoh masa.